



# Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan

Halaju (Velocity). Integriti (Integrity). Kerja berpasukan (Teamwork).

# Isi Kandungan

<b>Mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif kami</b>	<b>3</b>	Bekerjasama dengan Rakan Perniagaan Kami	26
Nilai Kami	4	Bekerjasama dengan Pelanggan Kerajaan Kami	27
<b>Pengenalan kepada Kod Kami</b>	<b>5</b>	Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa	28
Menggunakan Kod Kami	6	<b>Komitmen Kami kepada Komuniti Kami</b>	<b>29</b>
Mematuhi Kod Kami	6	Memelihara dan Melindungi Warga Kerja Kami serta Alam Sekitar Kami	30
Tanggungjawab Kami	6	Menghormati Hak Asasi Manusia	31
Mendapatkan Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan	7	Mengambil Bahagian dalam Proses Politik	31
Membuat Keputusan Beretika	8	Melabur dalam Komuniti Kami	32
<b>Bertindak demi Kepentingan Terbaik Syarikat Kami</b>	<b>9</b>	<b>Pindaan dan Pengecualian terhadap Kod Kami</b>	<b>33</b>
Mengenal Pasti dan Mengelakkan Konflik Kepentingan	10		
Mengekalkan Rekod yang Tepat	12		
Melindungi Harta Syarikat	13		
Melindungi Maklumat Sulit dan Proprietari	14		
Bersuara Secara Bersatu	15		
<b>Komitmen Kami kepada Warga Kerja Kami</b>	<b>16</b>		
Memastikan Tempat Kerja Kami Selamat dan Dilindungi	17		
Menghormati Warga Kerja Kami	18		
Menerima Tenaga Kerja Global Kami	19		
Mencegah Gangguan dan Buli	20		
<b>Komitmen Kami kepada Pelanggan Kami dan Pasaran</b>	<b>21</b>		
Menyampaikan Produk dan Perkhidmatan Berkualiti	22		
Mengelakkan Rasuah dan Korupsi	23		
Memberi dan Menerima Hadiah dan Hiburan	24		
Bersaing Secara Adil	25		

# Mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif kami, Mike J. Mosley

Di Barnes Aerospace, kejayaan kami bukan sahaja berpunca daripada produk yang kami hasilkan dan pelanggan yang kami layani, tetapi juga daripada komitmen setiap seorang daripada anda dan cara kita bekerjasama setiap hari. Sistem operasi kami, VITAL, menerapkan Nilai kami: **Halaju (Velocity)**, **Integriti (Integrity)** dan **Kerja Berpasukan (Teamwork)**. Sistem ini menyatukan kita pada skala global dan membezakan kita dalam industri aeroangkasa. VITAL membimbing pembuatan keputusan kami, mempengaruhi cara kami memperlakukan satu sama lain, dan membolehkan kami berkhidmat kepada pelanggan kami dengan berkesan. Prinsip-prinsip ini bukan sekadar kata-kata; prinsip-prinsip ini ialah asas budaya kami dan penting untuk pertumbuhan serta kejayaan berterusan kami.

**Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan** Barnes Aerospace berasaskan Nilai kami. Kod ini membantu kami menempuh kedua-dua cabaran dan peluang dengan jelas dan yakin. Saya menggalakkan anda meluangkan masa untuk membaca Kod ini dan memahami cara ia terpakai kepada peranan anda di Barnes Aerospace. Bertindak dengan **Integriti** dan menghayati Nilai kami amat penting untuk mengekalkan kepercayaan pelanggan kami, rakan kongsi kami dan sesama kita.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan, sila bersuara. **Kerja berpasukan (Teamwork)** penting untuk kejayaan kami, dan kami mahu semua orang berasa selesa membangkitkan isu dengan niat baik. Bersama-sama, kita boleh bertindak tegas dan dengan **Halaju (Velocity)** untuk mencari penyelesaian serta berusaha ke arah matlamat kita.

Terima kasih atas komitmen anda kepada Barnes Aerospace dan Nilai kami. Saya menantikan untuk terus menolak batasan kemungkinan dan membentuk masa depan organisasi sebagai "One Barnes Aerospace Team."

**Mike J. Mosley**

Ketua Pegawai Eksekutif, Barnes Aerospace



# Nilai Kami

V	I	T	AL
 <p><b>HALAJU (VELOCITY)</b></p> <p>Kelajuan dengan arah tuju</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buat keputusan yang bijak dan berasaskan data.</li> <li>• Selaraskan lebih awal dan bertanggungjawab terhadap keputusan.</li> <li>• Belajar dengan pantas. Tetapkan keutamaan dan laksanakan dengan pantas.</li> </ul>	 <p><b>INTEGRITI (INTEGRITY)</b></p> <p>Sentiasa Lakukan Perkara yang Betul</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanggungjawab dan boleh dipercayai.</li> <li>• Komited terhadap kualiti. Tunaikan komitmen.</li> <li>• Pastikan ketepatan dan kebolehpercayaan.</li> </ul>	 <p><b>KERJA BERPASUKAN (TEAMWORK)</b></p> <p>Beroperasi dan Berprestasi sebagai Satu Pasukan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pastikan keselamatan semua.</li> <li>• Bekerjasama dengan penuh hormat.</li> <li>• Tunjukkan akauntabiliti. Bina kepercayaan melalui komunikasi terbuka.</li> </ul>	 <p><b>MENCAPAI LONJAKAN (...ACHIEVES LIFT)</b></p> <p>Tingkatkan prestasi perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan kepercayaan dan kesetiaan pelanggan.</li> <li>• Peningkatan inovasi dan penambahbaikan berterusan.</li> <li>• Budaya pasukan yang "cemerlang".</li> </ul>

Nilai kami membimbing kerja kami, keputusan kami dan budaya yang kita bina bersama, untuk satu sama lain dan pelanggan kami. **Halaju (Velocity)**, **Integriti (Integrity)**, dan **Kerja Berpasukan (Teamwork)** memberi kita rangka kerja bersama serta bahasa yang dikongsi untuk menempuh perubahan, menyelesaikan masalah dan bergerak maju bersama untuk **Achieve Lift**.



# Pengenalan kepada Kod Kami



## **Halaju (Velocity). Integriti (Integrity). Kerja berpasukan (Teamwork).**

Selaras dengan kehadiran global kami, Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan Barnes Aerospace tersedia dalam bahasa Inggeris, Poland, Melayu dan Cina Tradisional. Ia bertujuan merentas sempadan geografi untuk menerapkan Nilai kami di mana-mana sahaja kami menjalankan perniagaan. Kod kami memberi kami alat untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik, untuk Achieve Lift.

## Menggunakan Kod Kami

Barnes Aerospace komited untuk mematuhi standard etika yang tinggi dan menjalankan perniagaan secara sah di seluruh dunia. Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan Barnes Aerospace menggariskan standard etika tinggi tersebut dan menetapkan jangkaan bahawa semua pekerja bertindak dengan jujur dan berintegriti. Kod kami tidak bertujuan untuk menangani setiap situasi dan menjawab setiap persoalan. Sebaliknya, ia menyediakan prinsip panduan, hala tuju praktikal dan sumber yang berguna untuk membantu setiap seorang daripada kita membuat keputusan yang beretika dan sah.

## Mematuhi Kod Kami

Kod kami terpakai kepada semua pekerja, pegawai dan ahli Lembaga Pengarah Barnes Aerospace serta menyatukan kita merentasi geografi dan budaya. Sebagai sebuah syarikat global, kami mematuhi undang-undang dan Kod ini di semua negara tempat kami menjalankan perniagaan.

Setiap pekerja, pegawai dan pengarah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan mematuhi Kod ini. Pekerja hendaklah menghubungi Jabatan Undang-Undang & Pematuhan jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung undang-undang tempatan atau Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan. Pekerja yang melanggar Kod ini tertakluk kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

## Tanggungjawab Kami

Barnes Aerospace telah memperoleh reputasi yang sangat baik. Untuk melindungi reputasi itu, kita semua mempunyai tanggungjawab peribadi untuk:

- Mematuhi Kod ini dan dasar, prosedur serta garis panduan Syarikat yang lain, termasuk Buku Panduan Pekerja Barnes Aerospace.
- Menyelesaikan latihan yang ditugaskan tepat pada masanya.
- Bertanya jika kita mempunyai sebarang keraguan atau kebimbangan.
- Melaporkan, dengan niat baik, kemungkinan tingkah laku yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, atau pelanggaran Kod kami atau dasar Syarikat yang berkaitan.
- Tidak mengambil tindakan balas terhadap sesiapa pun kerana mengemukakan soalan atau kebimbangan dengan niat baik.
- Bekerjasama sepenuhnya dan bersikap jujur dalam mana-mana audit, pertanyaan atau siasatan.

## Tanggungjawab Tambahan untuk Pengurus & Penyelia

Pengurus dan penyelia mempunyai tanggungjawab khas untuk memimpin selaras dengan Nilai kami dan menjadi pendukung utama Kod kami. Mereka mesti mengambil langkah untuk mempengaruhi pekerja secara positif dan mewujudkan persekitaran yang membolehkan pekerja berasa selesa mengemukakan soalan atau kebimbangan tanpa takut akan tindakan balas. Selain itu, pengurus dan penyelia mempunyai tanggungjawab berikut:

- Memberikan masa kepada pekerja untuk menyelesaikan latihan yang diperlukan.
- Mengambil tindakan yang profesional dan tepat pada masanya berhubung dengan soalan atau kebimbangan yang dibangkitkan dengan niat baik.
- Jangan korbankan keselamatan atau pematuhan untuk mendapatkan hasil perniagaan.
- Jangan wujudkan peraturan atau dasar yang kurang ketat daripada Kod kami.
- Jadilah teladan positif dengan bertindak selaras dengan Kod kami.
- Mengiktiraf dan menghargai tingkah laku yang menunjukkan komitmen terhadap Kod kami.

## Mendapatkan Nasihat dan Menyuarakan Kebimbangan

Kita semua perlu berasa selesa untuk mengemukakan soalan dan kebimbangan. Syarikat kami memandang serius setiap soalan dan kebimbangan. Ada kalanya, anda mungkin memerlukan bantuan untuk menjawab soalan dan membuat keputusan. Jika ragu-ragu, bertanyalah sebelum bertindak.

Kami mempunyai beberapa sumber untuk mendapatkan nasihat atau menyuarakan kebimbangan, termasuk:

- Mana-mana pengurus atau penyelia.
- Wakil Sumber Manusia anda.
- Jabatan Undang-undang & Pematuhan.
- Talian Penting Pematuhan Barnes Aerospace.

Kita semua bertanggungjawab untuk melaporkan, dengan niat baik, pelanggaran yang disyaki atau berpotensi berlaku terhadap Kod kami, dasar Syarikat kami atau mana-mana undang-undang. Ketahuilah bahawa anda sentiasa boleh bercakap dengan wakil Sumber Manusia atau penyelia anda. Dalam hal melaporkan kebimbangan, kami mengamalkan dasar pintu terbuka.

Anda juga boleh melaporkan kebimbangan secara tanpa nama melalui pos, telefon atau dalam talian melalui Talian Penting Pematuhan Syarikat. Talian Penting Pematuhan tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Ia dikendalikan oleh penyedia pihak ketiga yang bebas dan menyokong semua bahasa yang dituturkan oleh pekerja kami. Syarikat kami akan mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk melindungi kerahsiaan dan identiti sesiapa sahaja yang membuat laporan atau menyuarakan kebimbangan dengan niat baik. Butiran perhubungan untuk Talian Penting disenaraikan di bawah:

Lapor  
Melalui Telefon



Lapor Dalam Talian



Lapor Melalui Pos

Talian Penting Pematuhan Korporat Barnes Aerospace  
P.O. Box PMB 3767  
13950 Ballantyne Corporate Place, Ste. 300  
Charlotte, NC 28277-2712



Jika anda menyaksikan, melakukan atau mengetahui tentang kemungkinan pelanggaran, anda hendaklah segera melaporkannya kepada sekurang-kurangnya salah satu sumber yang disenaraikan di atas. Anda tidak sepatutnya menyalah sendiri.

Barnes Aerospace mempunyai dasar larangan tindakan balas. Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas terhadap mana-mana individu kerana mengemukakan soalan atau kebimbangan dengan niat baik. "Niat baik" bermaksud laporan itu jujur, ikhlas dan lengkap setakat pengetahuan terbaik individu tersebut.

#### Nasihat Kami

- S. Bolehkah saya membuat laporan tanpa nama?
- J. Ya, boleh, dengan menggunakan Talian Penting Pemuatan Syarikat. Walau bagaimanapun, ia mungkin menyukarkan siasatan terhadap kebimbangan anda jika kami tidak dapat menghubungi anda untuk mendapatkan maklumat lanjut. Memberikan nama dan maklumat perhubungan anda juga membolehkan kami memaklumkan anda tentang status sesuatu siasatan. Ingat, kami akan mengambil semua langkah yang sewajarnya semasa proses semakan atau siasatan untuk melindungi kerahsiaan dan status tanpa nama sesiapa sahaja yang mengemukakan soalan atau kebimbangan dengan niat baik serta berpegang teguh pada prinsip larangan tindakan balas kami.

## Membuat Keputusan Beretika

Apabila cuba membuat keputusan yang betul, tanyakan kepada diri anda soalan-soalan berikut:

1. Adakah saya mematuhi undang-undang, dasar atau amalan yang berkenaan?
2. Adakah saya bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat kita dengan membuat keputusan yang selaras dengan Nilai kita?
3. Adakah saya telah berbincang dengan seseorang di Syarikat kita untuk membantu keputusan saya?
4. Adakah saya akan berasa selesa jika rakan sekerja, keluarga, rakan-rakan atau orang awam mengetahui keputusan saya?

Jika jawapan kepada semua soalan ini ialah ya, teruskan dengan yakin, dengan mengetahui bahawa anda menyokong komitmen kami terhadap Halaju (Velocity), Integriti (Integrity) dan Kerja Berpasukan (Teamwork).

Jika jawapan kepada mana-mana soalan ialah tidak, atau jika anda tidak pasti, jangan teruskan dan dapatkan bantuan daripada salah satu sumber sokongan anda.



# Bertindak demi Kepentingan Terbaik Syarikat Kami



**Halaju (Velocity). Integriti (Integrity).  
Kerja berpasukan (Teamwork).**

Kejayaan berterusan, nama baik dan reputasi kami bergantung pada tindakan yang selaras dengan Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan kami serta demi kepentingan terbaik Syarikat kami.

## Mengenal Pasti dan Mengelakkan Konflik Kepentingan

### Pendirian Kami

Kami meletakkan kepentingan Barnes Aerospace dan pelanggan kami mengatasi kepentingan peribadi kami sendiri supaya kami boleh membuat keputusan perniagaan yang bijak tanpa berat sebelah. Konflik kepentingan, malah tanggapan wujudnya konflik kepentingan sekalipun, menjejaskan integriti dan reputasi kami.

### Sebab Kami

Membuat keputusan yang kukuh dan tidak berat sebelah tanpa konflik kepentingan membina kepercayaan pihak berkepentingan kami dan memastikan kita selaras di seluruh Syarikat, sekali gus membawa kepada hasil yang lebih baik.

### Tindakan Kami

- Kenal pasti bahawa hubungan peribadi boleh mengganggu objektiviti kita dan mewujudkan konflik kepentingan.
- Segera dedahkan konflik kepentingan sebenar atau berpotensi kepada Pengurus Sumber Manusia anda.
- Contoh konflik kepentingan termasuk:
  - Sebarang kepentingan atau hubungan tersendiri yang mungkin anda miliki dengan pembekal, vendor, ejen, perunding, pelanggan atau pesaing
  - Hubungan kekeluargaan apabila anda mungkin secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi pekerjaan saudara-mara anda di Barnes Aerospace
  - Pekerjaan luar
  - Kepentingan kewangan yang mungkin mempengaruhi pertimbangan anda berhubung hal ehwal syarikat
- Dapatkan nasihat daripada wakil Sumber Manusia anda atau Jabatan Undang-undang & Pematuhan apabila anda mengesyaki mungkin terdapat konflik kepentingan.



### Apakah Itu Konflik Kepentingan?

Konflik kepentingan berlaku apabila urusan peribadi anda mengganggu keupayaan anda untuk membuat keputusan kerja secara objektif.

### Konflik yang Lazim

**Hubungan di Tempat Kerja.** Hubungan peribadi dengan orang lain di tempat kerja boleh membawa kepada pilih kasih. Malah, tanggapan berat sebelah pun boleh menjejaskan kekuatan pasukan kita.

**Hubungan Perniagaan.** Kita tidak sepatutnya terlibat dalam keputusan sama ada untuk menggunakan vendor atau pembekal jika kita mempunyai hubungan peribadi dengan seseorang yang bekerja di sana. Hubungan dengan pesaing juga boleh menimbulkan masalah.

**Pekerjaan Luar.** Pastikan pekerjaan luar atau aktiviti lain tidak menjejaskan tanggungjawab atau sumbangan kita kepada Barnes Aerospace. Bekerja untuk pesaing atau pembekal Barnes Aerospace akan mewujudkan konflik kepentingan.

**Kepentingan Kewangan.** Melabur dalam perniagaan yang berkaitan dengan Barnes Aerospace merupakan potensi konflik kepentingan. Pastikan pelaburan peribadi—dan pelaburan rakan serta saudara-mara—tidak mempengaruhi keputusan kita bagi pihak Syarikat kita.

Ini bukan semua keadaan iaitu konflik kepentingan mungkin timbul. Jika anda tidak pasti sama ada konflik wujud, dapatkan bantuan. Dalam kebanyakan kes, kita boleh mengurus konflik kepentingan dengan teliti apabila ia didedahkan dengan sewajarnya.

### S&J

- S.** Saya bekerja dalam perolehan dan perlu menggantikan pembekal dengan segera supaya kita dapat memenuhi tarikh akhir pelanggan kita. Saudara lelaki saya memiliki sebuah syarikat yang menyediakan bahan yang kita perlukan pada kadar yang lebih rendah. Bolehkah saya melantik syarikatnya?
- A.** Pertama, anda mesti mendedahkan potensi konflik itu kepada pengurus anda dan Sumber Manusia. Anda boleh merujuk syarikat saudara lelaki anda kepada bahagian perolehan, yang akan mengikuti proses pemilihan pembekal standard. Tetapi anda tidak boleh terlibat dalam sebarang pembuatan keputusan yang melibatkan syarikatnya. Ingat, kita hendaklah mengelakkan sebarang tanggapan pilih kasih dan sentiasa mematuhi proses standard.
- S.** Saya seorang jurutera di Syarikat. Pada persidangan baru-baru ini yang saya hadiri, seorang wakil daripada Aerospace Industries Association meminta saya menyampaikan program pensijilan selama 30 jam, dan mereka mahu membayar saya honorarium untuk itu. Bolehkah saya menerima tawaran ini?
- J.** Tidak, anda tidak boleh menerima bayaran untuk peluang luar yang timbul disebabkan pekerjaan anda dengan Barnes Aerospace. Bincangkannya dengan penyelia anda. Jika ia sesuatu yang akan memberikan manfaat kepada Barnes Aerospace secara keseluruhan, anda mungkin boleh turut serta. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, persatuan tersebut tidak boleh membayar anda secara langsung.



## Mengekalkan Rekod yang Tepat

### Pendirian Kami

Selama bertahun-tahun dan melalui pelbagai perubahan, Barnes Aerospace telah menjalankan perniagaan secara jujur. Rekod kami mesti menggambarkan perniagaan kami dengan tepat, dan prosedur perakaunan serta pelaporan kewangan kami mesti adil dan benar.

### Sebab Kami

Penyimpanan rekod yang tepat memastikan kesihatan jangka panjang perniagaan kami. Keputusan strategik bergantung pada maklumat yang tepat, dan sebagai sebuah syarikat, kami bergantung pada keputusan sedemikian untuk bergerak maju. Kami bertanggungjawab untuk mengekalkan rekod yang tepat bagi pihak berkepentingan kami.

### Tindakan Kami

Kami memastikan rekod kami tepat apabila kami:

- Menyimpan buku dan rekod yang teliti serta lengkap.
- Mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum (GAAP).
- Mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan.
- Tidak sekali-kali mengubah rekod secara terpilih yang belum memenuhi keperluan tempoh penyimpanannya.
- Mengemukakan laporan yang diperlukan kepada pihak berkuasa kawal selia A.S. dan pihak berkuasa kawal selia global yang lain.
- Bekerjasama secara terbuka, jujur dan sepenuhnya dengan pegawai kewangan Syarikat dan juruaudit kami.
- Fahami risiko penyimpanan rekod yang tidak tepat atau palsu dan berkomunikasi dengan sewajarnya.
- Simpan dan lupuskan rekod mengikut undang-undang dan keperluan penyimpanan rekod Syarikat.
- Patuhi sebarang notis penyimpanan atau "hold" daripada Jabatan Undang-Undang & Pematuhan.

Semua pekerja bertanggungjawab untuk mematuhi kawalan dalaman kami dan mengekalkan rekod yang menggambarkan transaksi perniagaan kami dengan tepat. Pekerja tertentu, termasuk CEO, CFO, Pengawal Kewangan, dan pekerja perakaunan kami, tertakluk pada standard yang lebih tinggi. Walaupun kita semua perlu menyedari kepentingan mengekalkan rekod yang tepat, sesetengah peranan terlibat secara lebih langsung berbanding yang lain. Akauntan dan pegawai kewangan kami mesti memastikan bahawa laporan adalah lengkap, adil, tepat dan menepati masa. Pelaporan kewangan palsu adalah dilarang.

### Apakah Itu Pelaporan Kewangan Palsu?

Secara umum, pelaporan kewangan palsu ialah pelaporan yang sengaja mengelirukan atau tidak lengkap. Ia boleh berlaku dalam pelbagai bentuk tertentu dan juga boleh berpunca daripada kelalaian melulu.

### Apakah Itu Notis "Hold"?

Jabatan Undang-undang & Pematuhan kadangkala dapat mengenal pasti perkara yang mungkin membawa kepada siasatan atau litigasi. Mereka kemudiannya boleh mengeluarkan notis "hold" ke atas rekod yang berkemungkinan diperlukan dalam kes sedemikian. Dalam keadaan ini, kita mesti mematuhi nasihat undang-undang dan memelihara dokumen yang berkaitan.

### Audit dan Siasatan

Dari semasa ke semasa, kita mungkin menjalani audit atau siasatan. Kita semua mempunyai tanggungjawab bersama untuk bekerjasama dalam situasi ini. Juruaudit dan penyiasat mungkin meminta maklumat tertentu. Jika anda tidak pasti maklumat yang berhak diperoleh oleh juruaudit atau penyiasat, dapatkan panduan daripada Jabatan Undang-undang & Pematuhan. Jika anda dikehendaki mengemukakan maklumat, pastikan maklumat itu tepat dan bahawa anda merahsiakan maklumat serta siasatan tersebut.

### Rekod Perniagaan

Rekod perniagaan dan kewangan boleh wujud dalam pelbagai bentuk, sama ada kertas atau elektronik. Beberapa contoh termasuk:

- Data inventori dan laporan pengeluaran
- Pesanan pembelian dan invoice
- Fail kakitangan
- E-mel dan surat-menyurat lain (memo, mesej segera, mesej teks, surat dan sebagainya)
- Dasar dan prosedur
- Kontrak
- Perisian
- Analisis, jadual kerja, formula, jadual, dan model kewangan

Senarai ini sama sekali tidak menyeluruh. Jika anda tidak pasti tentang cara terbaik untuk menyimpan, mengekalkan dan melupuskan rekod Syarikat, tanyalah penyelia anda. Anda juga boleh merujuk Dasar Penyimpanan Rekod.

## Melindungi Harta Syarikat

### Pendirian Kami

Sebagai sebuah syarikat global, Barnes Aerospace memiliki pelbagai aset. Aset-aset ini penting kepada kerja yang kami lakukan. Harta syarikat, termasuk ruang pejabat, peralatan dan alat pembuatan, kenderaan, komputer dan rangkaian, menyokong perniagaan kami. Kami berinovasi dengan sebaik-baiknya apabila kami menyelenggara dan melindungi harta tersebut.

### Sebab Kami

Keselesaan dalam persekitaran kami membolehkan kami melakukan kerja yang terbaik. Kami memerlukan akses kepada sumber yang terbaik, termasuk kemudahan, kenderaan dan bekalan. Sumber-sumber ini tidak dapat menyokong visi kami jika ia disalahgunakan atau tidak dijaga dengan baik.

### Tindakan Kami

Kita semua boleh menggunakan pertimbangan yang waras untuk melindungi harta Syarikat. Apabila kita memastikan ruang kerja bersih dan diselenggara dengan baik serta memastikan teknologi kita sentiasa terkini, kita mengurangkan kemungkinan harta Syarikat mengalami kerosakan. Maklumkan kepada pengurus anda tentang sebarang peralatan berkaitan kerja yang mungkin perlu dibaiki atau diganti. Ini memastikan bukan sahaja produktiviti, tetapi juga keselamatan.

Di samping itu, kita melindungi harta Syarikat apabila kita:

- Mematuhi semua prosedur keselamatan dan sekuriti untuk keluar masuk harta Syarikat.
- Peka terhadap kecurian dan laporkan aktiviti yang mencurigakan.
- Mematuhi semua prosedur keselamatan semasa menggunakan peralatan Syarikat.
- Mematuhi protokol penggunaan aset Syarikat seperti peranti komputer, kenderaan dan produk.
- Amalkan tabiat keselamatan siber yang kukuh untuk melindungi rangkaian dan data Syarikat. Tabiat ini termasuk:
  - Menggunakan kata laluan yang kukuh dan unik serta tidak sekali-kali berkongsi
  - Mengunci komputer anda apabila meninggalkannya buat sementara waktu
  - Mengelakkan pautan, lampiran atau laman web yang mencurigakan
  - Segera melaporkan cubaan pemancingan data (phishing) atau tingkah laku sistem yang luar biasa
  - Mendayakan kemas kini komputer
  - Menggunakan hanya peranti yang diluluskan dan sambungan yang selamat apabila mengakses sistem Syarikat dari jauh



## Melindungi Maklumat Sulit dan Proprietari

### Pendirian Kami

Maklumat sulit kami merupakan sebahagian daripada perkara yang membezakan kami daripada pesaing kami dan menjadikan kami unik. Bertindak dengan integriti bermaksud melindungi maklumat itu daripada penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran.

### Sebab Kami

Kejayaan berterusan kami bergantung pada maklumat proprietari, khususnya pengetahuan kepakaran pembuatan kami. Apabila kami membangunkan idea, kaedah dan perkhidmatan baharu, kami mengukuhkan keupayaan kami untuk menyesuaikan diri dan memberikan kelebihan daya saing. Untuk memanfaatkan maklumat ini sebaik mungkin, kita semua mempunyai kewajipan untuk melindungi dan tidak mendedahkan maklumat sulit dan proprietari kita.

### Tindakan Kami

Kita melindungi maklumat sulit dan proprietari apabila kita:

- Berkongsi maklumat tersebut hanya dengan pekerja yang diberi kuasa untuk menggunakannya.
- Menggunakan perjanjian kerahsiaan, lesen, perkhidmatan dan kerjasama dengan pihak ketiga.
- Menandakan fail atau dokumen dengan jelas sebagai "Sulit", mengikut kesesuaian.
- Melindungi dokumen, data dan peranti dengan langkah fizikal yang berkesan, kata laluan dan penyulitan.
- Jangan bincangkan perkara sulit di tempat awam atau menjadikannya dapat dilihat oleh orang lain (cth., semasa bekerja menggunakan komputer riba di kafe).
- Jangan muat naik atau masukkan maklumat sulit dan proprietari dalam platform kecerdasan buatan yang tidak dibenarkan.
- Iringi pelawat supaya mereka tidak memasuki kawasan larangan.
- Laporkan sebarang pelanggaran supaya ia dapat ditangani dengan segera.

Penting bahawa kita juga tidak berkongsi atau mendapatkan maklumat sulit daripada pesaing atau berkongsi maklumat tentang bekas majikan.

### Apakah Beberapa Contoh Maklumat Sulit?

Maklumat perniagaan sulit boleh wujud dalam pelbagai bentuk. Beberapa contoh termasuk:

- Maklumat proprietari seperti perisian, reka bentuk perindustrian dan proses pembuatan
- Rahsia dagangan, tanda dagangan dan harta intelek lain
- Maklumat kewangan yang bukan untuk umum, seperti harga dan unjuran
- Pelan produk baharu dan pemasaran
- Senarai pelanggan dan pembekal
- Idea dan maklumat penyelidikan dan pembangunan

### Privasi Pekerja

Kami memastikan semua Maklumat Pengenalan Peribadi pekerja kami (PII) dan data mereka selamat serta sulit. Beberapa contoh maklumat peribadi pekerja termasuk:

- Nama
- Alamat rumah
- Alamat e-mel peribadi
- Nombor pengenalan pekerja
- Nombor pengenalan kerajaan (cth., nombor pasport atau nombor lesen memandu)

Jika pekerja mempunyai soalan tentang cara memastikan maklumat sulit kekal selamat, sila rujuk pasukan keselamatan IT.

## Bersuara Secara Bersatu

### Pendirian Kami

Kami mengekalkan reputasi kami dengan berkomunikasi secara jelas dan jujur. Kita berkongsi tanggungjawab untuk mengekalkan komunikasi yang konsisten dan berusaha untuk menyampaikan suara yang bersatu kepada pihak berkepentingan di luar Syarikat. Pelanggan dan rakan perniagaan kami bergantung pada pendekatan ini.

### Sebab Kami

Kedua-dua media tradisional dan media sosial berpotensi menyebarkan maklumat yang salah. Untuk menanganinya, kejelasan adalah penting. Dengan berkomunikasi dalam satu suara, secara tepat dan jujur, kita dapat membentuk naratif kita, melindungi maklumat sensitif dan meminimumkan kekeliruan. Kejelasan ini meyakinkan pihak berkepentingan kita ketika kita menyesuaikan diri dan berkembang.

### Tindakan Kami

Sesetengah ahli pasukan bertanggungjawab secara langsung untuk menjawab pertanyaan dari luar Syarikat. Kita boleh menyokong individu-individu ini dengan sebaik-baiknya dengan:

- Memberikan respons dengan sopan jika kita tidak diberi kuasa untuk mengendalikannya pertanyaan luar.
- Merujuk pertanyaan tersebut kepada individu yang sesuai dengan memberikan maklumat perhubungan yang tepat.
- Tidak sekali-kali berkongsi pandangan peribadi tentang keputusan Syarikat, pekerja, pelanggan atau rakan perniagaan.
- Tidak sekali-kali mendedahkan maklumat sensitif atau sulit.

### Media Sosial

Media sosial telah meluaskan saluran komunikasi kami dengan ketara. Platform seperti LinkedIn, Facebook, Instagram, TikTok dan X memberikan manfaat yang besar, tetapi kita mesti menggunakannya dengan bijak. Apabila berinteraksi di media sosial, kita mesti berhati-hati untuk:

- Memastikan penggunaan media sosial kita tidak mengganggu kerja.
- Tidak sekali-kali mendedahkan maklumat sulit Syarikat.
- Tidak sekali-kali menggambarkan pandangan peribadi kita sebagai pandangan Syarikat.
- Mengelak daripada bersikap negatif atau merendahkan pihak lain.

Kami menggalakkan pekerja untuk berkongsi pengalaman positif dan kandungan yang diterbitkan oleh Syarikat yang mencerminkan budaya dan Nilai kami. Walau bagaimanapun, elakkan daripada terlibat dalam perdebatan awam tentang keputusan Syarikat, prestasi kewangan atau perkara sulit. Apabila membuat siaran tentang Barnes Aerospace, jelaskan bahawa anda menyatakan pandangan anda sendiri dan tidak mewakili pendirian rasmi Syarikat. Serahkan komunikasi yang lebih khusus kepada pekerja yang diberi kuasa. Ini memastikan bahawa suara Syarikat dipelihara untuk pelanggan, rakan perniagaan dan pihak berkepentingan kami.



# Komitmen Kami kepada Warga Kerja Kami



**Halaju (Velocity). Integriti (Integrity).  
Kerja berpasukan (Teamwork).**

Pekerja kami ialah kekuatan terbesar kami dan pemacu utama kejayaan kami. Kekal setia kepada tujuan kami dan komitmen kami untuk mewujudkan peluang bagi semua orang tetap penting.

## Memastikan Tempat Kerja Kami Selamat dan Dilindungi

### Pendirian Kami

Tempat kerja yang selamat ialah asas kepada tempat kerja yang produktif. Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, mematuhi protokol keselamatan dan membuat keputusan di tempat kerja yang mengutamakan keselamatan.

### Sebab Kami

Tiada metrik operasi yang lebih penting daripada keselamatan. Produktiviti dan perniagaan tidak seharusnya diutamakan sehingga mengabaikan kesejahteraan kita. Kita berkembang maju sebagai sebuah syarikat dan melakukan kerja terbaik kita apabila kita semua sihat, selamat dan terjamin.

### Tindakan Kami

Kita memastikan tempat kerja kita selamat dan terjamin apabila kita:

- Menjalankan operasi dengan pematuhan penuh terhadap semua undang-undang, peraturan dan dasar keselamatan, di mana-mana sahaja kita menjalankan perniagaan. Ini termasuk:
  - Sentiasa mematuhi peraturan dan prosedur keselamatan yang ditetapkan, termasuk penilaian risiko, Pengurusan Perubahan, dan sebarang proses kebenaran keselamatan berasaskan tugas, contohnya, Lock Out Tag Out atau Ruang Terkurung.
  - Sentiasa memakai PPE yang diperlukan di kawasan yang ditetapkan dan menyelesaikan semua latihan keselamatan sebagaimana yang dikehendaki untuk kekal layak dan sesuai melaksanakan kerja yang ditugaskan.
  - Sentiasa memakai tali pinggang keledar dan menggunakan peranti komunikasi bebas tangan semasa memandu ke tempat kerja dan pulang dari tempat kerja, serta semasa menjalankan urusan Syarikat.
  - Tidak sekali-kali melakukan kerja ketika berada di bawah pengaruh alkohol, dadah haram, penggunaan ubat preskripsi secara tidak wajar, atau ketika mengalami apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan prestasi kerja yang selamat.
- Laporkan semua kebimbangan keselamatan, pelanggaran, kejadian nyaris cemas dan keadaan tidak selamat dengan segera kepada penyelia anda atau Pengurus HSE, dan dokumentasikannya dalam sistem pengurusan keselamatan mengikut prosedur dalaman.
- Pastikan pintu dan pagar sentiasa ditutup dan dikunci mengikut dasar khusus tapak, dan hanya membenarkan kakitangan yang diberi kuasa mengakses kemudahan kami.
- Bertindak balas terhadap kecemasan menggunakan prosedur yang ditetapkan, termasuk menghubungi pihak penguat kuasa undang-undang atau pihak berkuasa kawal selia apabila perlu. Pastikan semua insiden disiasat, tindakan pembetulan dikenal pasti, dan penambahbaikan dipantau sehingga selesai.

### Nasihat Kami

- S.** Saya bekerja di Barnes Aerospace, dan baru-baru ini saya menyedari satu langkah yang berpotensi berbahaya dalam salah satu proses pembuatan kami. Bagaimanakah cara terbaik untuk saya menyuarakan kebimbangan saya?
- J.** Kami bergantung kepada pekerja kami yang terlibat secara aktif untuk menyumbang secara proaktif kepada pembangunan proses perniagaan kami. Anda hendaklah segera berkomunikasi dengan penyelia anda dan pengurus HSE bagi unit perniagaan anda. Sistem pengurusan HSE kami merangkumi penilaian risiko, pembangunan prosedur dan latihan keselamatan, serta perkara-perkara lain. Pemerhatian anda boleh menyokong matlamat kami untuk meningkatkan keselamatan pekerja.
- S.** Kerja saya memerlukan penggunaan peralatan perlindungan diri. Adakah Syarikat akan membekalkan peralatan ini?
- J.** Ya. Selaras dengan OSHA dan standard global yang setara, Syarikat menyediakan peralatan perlindungan diri yang diperlukan tanpa sebarang kos kepada pekerja. Jangan mulakan kerja tanpa peralatan perlindungan diri yang sesuai dan prosedur yang telah disediakan.

## Menghormati Warga Kerja Kami

### Pendirian Kami

Keadilan bermula dengan rasa hormat. Kita semua berhak dilayan secara bermaruah dan rasa hormat di tempat kerja. Pekerja kami berkembang maju dalam tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi dan tingkah laku yang tidak hormat. Setiap orang seharusnya mempunyai peluang yang sama untuk menyumbang kepada kejayaan Syarikat.

### Sebab Kami

Dengan saling menghormati, kita mewujudkan persekitaran kerja yang membolehkan semua orang melakukan kerja terbaik mereka. Persekitaran kerja yang saling menghormati bermula dengan keadilan dalam pengambilan pekerja dan akses kepada peluang. Ini memastikan bahawa perniagaan kita kekal menjadi tumpuan dan semua pekerja dapat mencapai potensi penuh mereka.

### Tindakan Kami

- Sentiasalah melayan satu sama lain dengan penuh maruah dan rasa hormat.
- Hargai kekuatan dan pencapaian satu sama lain.
- Tidak sekali-kali berkata atau melakukan apa-apa yang menyinggung atau merendahkan orang lain.
- Bersuaralah jika kita menyaksikan tingkah laku yang tidak menghormati atau menyinggung.
- Tumpukan pada sifat yang membawa nilai kepada perniagaan kita.
- Agihkan kerja yang bermakna.

Sistem Pengurusan Bakat (Talent Management System, TMS) kami mencerminkan komitmen kami untuk menyokong kedua-dua pemohon dan pekerja sepanjang proses pengambilan serta perkembangan kerjaya. Berasaskan Nilai kami, TMS menyokong pertumbuhan, pembangunan dan penglibatan pekerja kami supaya mereka dapat memberikan prestasi terbaik. Setiap pekerja membawa pengalaman unik yang menjadikan Syarikat kami lebih kukuh.



## Menerima Tenaga Kerja Global Kami

### Pendirian Kami

Perniagaan global kami berkembang maju disebabkan bakat, kepakaran, pengalaman dan dedikasi pekerja kami. Kami mengutamakan kerja berpasukan, pembangunan dan penglibatan untuk memastikan setiap pekerja dapat menyumbang kepada kejayaan kami.

### Sebab Kami

Apabila kita bekerjasama dan memanfaatkan kekuatan kolektif kita, kita membuat keputusan yang lebih baik dan mencapai hasil. Mencari perspektif dan idea yang berbeza membantu kita berinovasi dan kekal berdaya saing.

### Tindakan Kami

Kita mengukuhkan pasukan kita apabila kita:

- Membina pasukan berdasarkan kemahiran, pengalaman dan prestasi.
- Berkongsi maklumat secara terbuka dan mengalu-alukan pandangan daripada semua ahli pasukan.

- Mempertimbangkan pelbagai sudut pandangan secara aktif apabila menyelesaikan masalah.
- Mendengar dengan sopan dan hormat.
- Melayan semua orang dengan adil dan konsisten, dengan memberikan tumpuan pada prestasi kerja dan hasil.
- Tidak sekali-kali mendiskriminasi berdasarkan bangsa, agama, orientasi seksual, ketidakupayaan atau apa-apa faktor lain yang tidak berkaitan dengan prestasi kerja.

### Di Seluruh Dunia

Barnes Aerospace menggaji kira-kira 3,000 orang di seluruh dunia. Komitmen kami terhadap globalisasi dicerminkan dalam cara kami bekerja secara lancar merentasi sempadan, dengan bekerjasama bersama pekerja, vendor dan pelanggan daripada pelbagai budaya. Hubungan ini berkembang berasaskan integriti dan rasa hormat, dan kami memandang serius suara serta perspektif yang menyumbang kepada perniagaan global kami.



## Mencegah Buli dan Gangguan

### Pendirian Kami

Kita semua mendapat manfaat daripada persekitaran kerja yang selamat dan saling menghormati. Gangguan dan buli di tempat kerja tidak mempunyai tempat dalam persekitaran sedemikian.

### Sebab Kami

Gangguan dan buli sangat mengganggu dan tidak profesional. Pekerja kami ialah penyumbang yang bersemangat kepada kejayaan Syarikat. Apabila kita mengekalkan tempat kerja yang bebas daripada gangguan, semangat pekerja kita dapat terus memacu kejayaan Syarikat.

### Tindakan Kami

- Tidak sekali-kali membuat jenaka atau komen yang menyinggung, terutamanya berkaitan bangsa, agama, jantina, ketidakupayaan atau aspek lain identiti peribadi.
- Tidak sekali-kali melakukan sentuhan fizikal yang tidak sesuai, termasuk sentuhan yang tidak diingini.
- Tidak sekali-kali menggunakan bahasa atau tingkah laku yang mengancam atau menakut-nakutkan.
- Tidak sekali-kali membuat godaan atau pelawaan seksual, dan tidak sekali-kali berkongsi bahan grafik atau bahan lucah yang jelas bersifat seksual.
- Selesaikan semua kewajipan latihan tepat pada masanya dan secara profesional.

- Semua pekerja mempunyai kewajipan untuk melaporkan gangguan dan buli kepada salah satu sumber sokongan anda.

### Apakah Itu Buli dan Gangguan?

Buli dan gangguan boleh berlaku dalam bentuk kata-kata, tindakan atau imej.

- **Perkara yang kita katakan atau tulis:** Ini boleh termasuk kata-kata hinaan berunsur perkauman atau jenaka yang menyinggung, sama ada disampaikan secara bersemuka atau melalui e-mel atau media sosial. Bahasa yang agresif atau mengancam juga boleh disampaikan dengan cara ini.
- **Perkara yang kita lakukan:** Sebarang sentuhan yang tidak diingini, terutamanya yang bersifat seksual atau menggoda, ialah gangguan. Perbuatan agresif atau sengaja mengganggu, seperti menghalang laluan seseorang, juga merupakan bentuk buli dan gangguan.
- **Perkara yang kita paparkan:** Meletakkan imej atau poster yang menyinggung atau lucah di tempat kerja dianggap sebagai gangguan. Kubikel, ruang pejabat dan ruang skrin semuanya dianggap sebagai kawasan tempat kerja di mana jenis imej seperti ini tidak sepatutnya dipaparkan.

Ingat bahawa niat bukanlah perkara utama apabila melibatkan buli dan gangguan. Persepsi atau reaksi orang lain ialah unsur yang utama. Pertimbangkan perasaan dan kesejahteraan rakan sekerja apabila bercakap, menulis, bertindak dan menghias.



# Komitmen Kami kepada Pelanggan Kami dan Pasaran



**Halaju (Velocity). Integriti (Integrity).  
Kerja berpasukan (Teamwork).**

Pelanggan kami dan pasaran memandang kepada kami untuk kebolehpercayaan, perkongsian dan inovasi. Kami menyediakan semua ini, dan lebih lagi. Kami terus menyampaikan kecemerlangan dan mendahului dalam menyediakan penyelesaian untuk pelanggan kami dan pasaran.

## Menyampaikan Produk dan Perkhidmatan Berkualiti

### Pendirian Kami

Reputasi Barnes Aerospace dibina atas kualiti produk dan perkhidmatan kami. Kami memberikan nilai tertinggi kepada pelanggan kami melalui perkhidmatan yang inovatif dan produk yang unggul. Kami tidak sekali-kali berkompromi dalam hal kualiti dan keselamatan.

### Sebab Kami

Perniagaan kami ditentukan oleh produk dan perkhidmatannya. Pertumbuhan kami dalam industri aeroangkasa sentiasa bergantung pada kualiti. Sambil kami terus berkembang dan berubah di pasaran seluruh dunia, kami mesti mengekalkan standard tinggi kami.

### Tindakan Kami

Kami mewujudkan sistem operasi VITAL kami untuk memastikan kualiti tertinggi bagi produk dan perkhidmatan kami. Di samping itu, kami mengekalkan komitmen kami terhadap kualiti apabila kami:

- Memastikan persekitaran yang mengutamakan kualiti dan keselamatan pengguna.
- Melaporkan kebimbangan berkaitan kualiti dan keselamatan dengan segera.
- Mematuhi semua standard dan prosedur kawalan kualiti pada setiap masa.



## Mengelakkan Rasuah dan Korupsi

### Pendirian Kami

Kami memperoleh dan mengekalkan perniagaan secara jujur, adil, dan berdasarkan nilai yang kami cipta untuk pelanggan kami. Kami berusaha mencapai hasil tanpa menjejaskan integriti kami, dan kami tidak sekali-kali menawarkan atau menerima insentif yang tidak wajar untuk memperoleh kelebihan yang tidak adil.

### Sebab Kami

Korupsi tidak mempunyai tempat di Barnes Aerospace. Kami tidak bertolak ansur dengannya dalam apa jua bentuk, di mana-mana sahaja kami beroperasi. Ia menjejaskan komuniti dan meletakkan Syarikat serta reputasi kami dalam risiko. Ia juga boleh mengakibatkan denda yang besar dan bahkan hukuman penjara bagi individu yang terlibat. Dengan mengelakkan korupsi, perniagaan kami menjadi lebih kukuh dan lebih mampan.

### Bentuk-bentuk Korupsi

Rasuah berlaku apabila seseorang menawarkan atau menerima apa-apa yang bernilai untuk mempengaruhi sesuatu keputusan secara tidak wajar.

Sogokan ialah pemberian semula sesuatu yang bernilai sebagai ganjaran kerana membantu mengatur urusan perniagaan.

Bayaran pemudah cara, atau 'duit kopi', ialah bayaran yang dibuat kepada seseorang individu untuk mempercepat tindakan rutin kerajaan, seperti pengeluaran permit.

### Tindakan Kami

Kami mencegah rasuah dan bentuk korupsi lain apabila kami:

- Memilih untuk memperoleh hasil dan menjalankan perniagaan dengan cara yang betul, selaras dengan Nilai kami.
- Tidak sekali-kali menawarkan apa-apa yang bernilai untuk memperoleh kelebihan perniagaan, termasuk bayaran pemudah cara.

- Menolak rasuah atau sogokan jika ia ditawarkan kepada anda.
- Mengekalkan rekod kewangan yang tepat dan lengkap.
- Tidak sekali-kali menggunakan pihak ketiga untuk membuat bayaran yang tidak wajar.
- Mematuhi dasar Syarikat yang berkaitan dengan memberi dan menerima hadiah serta hiburan.
- Laporkan sebarang insiden yang melanggar standard rasuah dan korupsi kami kepada Pegawai Pematuhan Global.

### Di Seluruh Dunia

Barnes Aerospace menjalankan perniagaan di seluruh dunia, dan undang-undang rasuah serta korupsi berbeza dari satu tempat ke satu tempat. Undang-undang ini terpakai kepada semua pekerja Syarikat dan rakan perniagaan kami di setiap tempat kami menjalankan perniagaan. Sebagai contoh, kita mesti mematuhi Akta Amalan Rasuah Luar Negara A.S. dan Akta Rasuah U.K. di mana-mana sahaja kita bekerja.

### Nasihat Kami

- S.** Saya sedang memohon permit daripada sebuah pejabat kerajaan. Pegawai itu memberitahu saya bahawa adalah menjadi kebiasaan untuk membuat bayaran bagi mempercepat proses ini. Bolehkah saya membayarnya?
- J.** Tidak. Pegawai itu telah meminta sesuatu yang dipanggil bayaran pemudah cara, iaitu bayaran kepada seseorang individu untuk mempercepat tindakan rutin kerajaan. Tindakan sedemikian mungkin termasuk pengeluaran permit atau mengatur pengambilan mel. Barnes Aerospace tidak membenarkan bayaran sedemikian. Tolak untuk membuat bayaran tersebut dan laporkan permintaan itu kepada Jabatan Undang-Undang & Pematuhan.



## Memberi dan Menerima Hadiah dan Hiburan

### Pendirian Kami

Kami bangga dengan banyaknya perkongsian perniagaan yang telah kami bina selama bertahun-tahun. Walaupun kami menghargai hubungan-hubungan ini, kami tidak memberi atau menerima hadiah dan hiburan yang tidak sesuai untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.

### Sebab Kami

Pertukaran hadiah dan hiburan dengan rakan perniagaan boleh menjadi satu cara untuk memupuk hubungan dan membina muhibah. Walau bagaimanapun, pertukaran ini tidak boleh sama sekali mempengaruhi, atau walaupun kelihatan mempengaruhi, keputusan perniagaan kami. Apabila kami memisahkan perbuatan muhibah daripada keputusan perniagaan, kami menunjukkan integriti kami, yang membawa kepada perniagaan yang lebih sihat secara keseluruhan.

### Tindakan Kami

Ingat bahawa hadiah dan hiburan perniagaan menimbulkan kebimbangan etika dan undang-undang apabila ia ditukar dengan jangkaan mendapat sesuatu sebagai balasan. Untuk mengelakkan masalah ini, kami tidak sekali-kali meminta hadiah. Jika ia ditawarkan, kami hanya boleh menerimanya apabila ia:

- Bukan wang tunai atau yang setara dengan wang tunai (cth., kad hadiah)
- Jarang berlaku dan hanya bernilai kecil (cth., makan tengah hari perniagaan)
- Selaras dengan dasar kami dan juga dasar rakan perniagaan
- Tidak berkaitan dengan mana-mana kontrak atau urusan perniagaan
  - Sebagai contoh, kami tidak menerima sebarang hadiah daripada vendor yang sedang kami nilai untuk sesuatu kontrak.

Ada kalanya, kami mungkin menawarkan hadiah dan hiburan kepada rakan perniagaan. Ini juga mesti selaras dengan kriteria di atas. Di samping itu, kami mendokumentasikan dengan tepat sebarang hadiah yang kami berikan supaya rekod tersebut boleh dinilai, jika perlu.

### Nasihat Kami

- S.** Saya terlibat dalam rundingan kontrak dengan bakal rakan perniagaan. Salah seorang wakil mereka menawarkan untuk membelanja saya makan tengah hari. Bolehkah saya menerima tawaran itu?
- J.** Ia bergantung. Jika makan tengah hari itu ditawarkan dalam urusan perniagaan biasa, tidak mewah atau keterlaluan, dan tidak diberikan sebagai balasan untuk layanan istimewa atau untuk mempengaruhi rundingan, anda boleh menerimanya selaras dengan dasar Syarikat. Walau bagaimanapun, jika tawaran itu boleh menimbulkan tanggapan ketidakwajaran atau mempengaruhi rundingan, anda hendaklah menolaknya dengan sopan. Jika ragu-ragu, rujuk Jabatan Undang-undang & Pematuhan untuk mendapatkan panduan.

### Bagaimanakah Pula dengan Pekerja dan Agensi Kerajaan?

Peraturan mengenai hadiah dan hiburan adalah lebih ketat apabila melibatkan pekerja dan agensi kerajaan. Mengenal pasti syarikat milik kerajaan juga boleh menjadi sukar. Sebagai sebuah syarikat global yang mempunyai rakan perniagaan di seluruh dunia, kita mesti bertindak dengan lebih berhati-hati. Sebelum memberikan apa-apa yang bernilai kepada pekerja kerajaan, atau jika anda tidak pasti sama ada sesebuah perniagaan itu milik kerajaan, hubungi Jabatan Undang-undang & Pematuhan untuk mendapatkan nasihat.



## Bersaing Secara Adil

### Pendirian Kami

Produk dan perkhidmatan inovatif kami menjadikan kami berdaya saing di peringkat global. Persaingan yang adil mengukuhkan bukan sahaja perniagaan kami tetapi juga kualiti keseluruhan amalan perniagaan dalam semua sektor tempat kami bersaing. Apabila kita bersaing secara adil, semua pihak mendapat manfaat.

### Sebab Kami

Untuk kekal berdaya saing, kita perlu kekal jujur. Integriti dan persaingan yang adil menarik serta mengekalkan pelanggan dan rakan perniagaan. Ia juga memastikan bahawa kita sentiasa menilai strategi dan keputusan kita dengan jelas. Ketahanan jangka panjang kami sebagai sebuah syarikat bergantung pada keupayaan kami untuk bersaing secara beretika dan sah.

### Tindakan Kami

Undang-undang mengenai persaingan yang adil adalah kompleks dan boleh berbeza mengikut negara. Kami mematuhi undang-undang ini di mana-mana sahaja kami menjalankan perniagaan. Secara amnya, kami bersaing secara adil apabila kami:

- Tidak sekali-kali membincangkan harga, proses pembidaan atau segmentasi pasaran dengan pesaing.
- Melaporkan sebarang cubaan oleh pesaing untuk mengadakan perbincangan yang tidak wajar atau membuat perjanjian yang menyalahi undang-undang.
- Tidak sekali-kali membuat dakwaan palsu tentang produk pesaing atau mengganggu perniagaan mereka.
- Tidak sekali-kali mendapatkan maklumat persaingan secara menyalahi undang-undang.
- Tidak sekali-kali menggunakan kekuatan pasaran untuk

menyekat persaingan.

### Di Seluruh Dunia

Undang-undang antitrust, yang sering dikenali sebagai undang-undang persaingan di luar Amerika Syarikat, direka untuk memastikan persaingan kekal bebas dan adil. Kita mesti terus peka tentang cara undang-undang ini boleh berbeza di banyak negara tempat kita menjalankan perniagaan. Bersaing secara adil ialah perkara yang betul untuk dilakukan, dan yang terbaik untuk reputasi global kita.

Hukuman bagi pelanggaran undang-undang antitrust dan persaingan boleh mengakibatkan denda yang berat dan bahkan hukuman penjara. Jika anda tidak pasti tentang sesuatu situasi yang melibatkan pesaing global, elakkan daripada membincangkan topik itu. Hubungi Jabatan Undang-undang & Pematuhan untuk mendapatkan panduan.

### Persatuan Perdagangan

Barnes Aerospace mungkin terlibat dengan persatuan perdagangan, baik di Amerika Syarikat mahupun di seluruh dunia. Persatuan perdagangan membolehkan pihak berkepentingan industri bertemu dan membincangkan amalan terbaik. Ia juga boleh memberikan peluang untuk mempromosikan barangan dan perkhidmatan kami.

Pesaing kami juga mungkin menjadi sebahagian daripada persatuan perdagangan ini. Atas sebab ini, kita mesti mengekalkan standard etika tinggi kita apabila menyertai persatuan ini. Kami tidak berkongsi maklumat proprietari yang bukan untuk umum, dan kami tidak berkongsi sebarang maklumat harga atau gaji tanpa kelulusan terlebih dahulu. Jabatan Undang-undang & Pematuhan boleh memberikan panduan lanjut apabila diperlukan.



## Bekerjasama dengan Rakan Perniagaan Kami

### Pendirian Kami

Kami berusaha menjalankan perniagaan kami dengan integriti, dan ini turut merangkumi rakan perniagaan kami. Kami memilih rakan perniagaan yang mengekalkan standard etika yang tinggi dan mematuhi semua undang-undang serta peraturan yang berkenaan. Ini membantu kami mencapai matlamat kami sebagai sebuah syarikat.

### Sebab Kami

Rakan perniagaan kami sangat penting dalam cara kami menyampaikan nilai kepada pelanggan aeroangkasa kami. Untuk memastikan produk dan perkhidmatan kami mencapai kualiti tertinggi, rakan perniagaan kami mesti berkongsi standard tinggi kami. Reputasi kita semua bergantung padanya.

### Tindakan Kami

Kami sentiasa melayan rakan perniagaan kami dengan adil, tanpa mengira nilai perniagaan atau tempoh hubungan tersebut. Kami juga membangunkan perkongsian perniagaan yang kukuh dan beretika apabila kami:

- Memilih rakan perniagaan kami berdasarkan kriteria objektif, termasuk:
  - Kualiti
  - Harga
  - Kebolehpercayaan
  - Ketersediaan

- Elakkan walaupun tanggapan wujudnya konflik kepentingan, termasuk menolak hadiah yang mungkin mempengaruhi keputusan perniagaan.
- Tidak sekali-kali berkongsi maklumat sulit syarikat lain, kecuali dengan kebenaran.
- Berkomunikasi dan bekerjasama dengan rakan perniagaan untuk mencari penyelesaian.
- Memastikan rakan perniagaan kami mematuhi undang-undang dan mempunyai standard etika yang tinggi.

### Siapakah Rakan Perniagaan Kami?

Barnes Aerospace bekerjasama dengan banyak perniagaan, termasuk pembekal, pengedar dan ejen jualan. Pembekal sering menyediakan bahan mentah yang kami perlukan untuk produk kami. Pengedar membantu kami membawa produk tersebut ke pasaran. Ejen jualan membantu kami mewujudkan peluang perniagaan dengan pelanggan baharu. Walaupun rakan perniagaan kami memainkan beberapa peranan untuk kami, kami mengharapkan kualiti dan integriti daripada mereka semua.

#### S&J

- S.** Saya bertemu dengan seorang ejen jualan yang mungkin mampu mendapatkan pelanggan di sebuah negara yang kami belum pernah menjalankan perniagaan. Bolehkah saya bercakap dengan ejen ini bagi pihak Syarikat kami?
- J.** Kami mempunyai proses usaha wajar untuk bekerjasama dengan ejen jualan baharu. Kami perlu menjalankan semakan latar belakang terhadap ejen itu. Hubungi Jabatan Undang-undang & Pematuhan untuk memulakan proses tersebut. Jika semuanya lulus semakan, anda boleh meneruskan perjanjian dengan ejen tersebut.



## Bekerjasama dengan Pelanggan Kerajaan Kami

### Pendirian Kami

Reputasi kami untuk produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi serta selamat telah memperoleh ramai pelanggan untuk kami, termasuk kerajaan. Seperti semua pelanggan kami, kami berasa terhormat dan berbesar hati menerima kepercayaan perniagaan ini. Kami juga menerima tanggungjawab khas yang datang bersama berkhidmat kepada pelanggan kerajaan.

### Sebab Kami

Oleh sebab pelanggan kerajaan menggunakan dana awam untuk menganugerahkan kontrak perniagaan, standard undang-undang dan etika yang lebih ketat mungkin terpakai. Kami komited kepada standard etika yang tinggi dengan semua pelanggan kami, tetapi kami tahu bahawa perhatian tambahan diperlukan apabila berurusan dengan pelanggan kerajaan kami.

### Nota tentang Subkontrak

Apabila kami membekalkan produk kepada perniagaan lain yang pelanggan akhirnya ialah sebuah kerajaan, kita

mesti menganggap kerajaan tersebut sebagai pelanggan kita juga. Kita mesti menyedari cara perkongsian perniagaan kita dipengaruhi oleh kontrak kerajaan untuk memastikan standard etika yang tertinggi.

### Tindakan Kami

Kami memenuhi keperluan khas pelanggan kerajaan apabila kami:

- Mematuhi semua undang-undang dan dasar perolehan yang berkaitan
- Memastikan bahawa dana awam digunakan untuk memenuhi komitmen sepenuhnya.
- Berkomunikasi secara jujur dan lengkap tentang:
  - Penjualan, pemasaran atau pelaksanaan kontrak
  - Penjejakan kos
  - Penyediaan invoice
- Tidak sekali-kali menawarkan apa-apa yang bernilai kepada pegawai atau pekerja kerajaan (lihat “Mengelakkan Rasuah dan Korupsi” dan “Memberi dan Menerima Hadiah dan Hiburan”).



## Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa

### Pendirian Kami

Barnes Aerospace telah berkembang menjadi perniagaan global, dan kami akan terus menjalankan perniagaan di mana-mana sahaja yang kami boleh. Kami mematuhi semua undang-undang perdagangan antarabangsa apabila memindahkan produk, teknologi dan perkhidmatan merentasi sempadan. Perniagaan kami berkembang paling baik apabila ia berdagang selaras dengan undang-undang.

### Sebab Kami

Undang-undang perdagangan antarabangsa adalah kompleks dan berbeza dari satu tempat ke satu tempat. Sebagai syarikat yang berpangkalan di A.S. yang mengimport, mengeksport, memperoleh sumber, dan bekerjasama di seluruh dunia setiap hari, kami tertakluk pada pelbagai peraturan. Pelanggaran mana-mana satu daripada peraturan ini boleh mengakibatkan hukuman yang serius dan malah menjejaskan keupayaan kami untuk menjalankan perniagaan secara global.

### Tindakan Kami

Kami memastikan pematuhan terhadap kawalan perdagangan antarabangsa apabila kami:

- Mengetahui peraturan sesebuah negara sebelum berdagang dan bertukar data teknikal merentasi sempadannya.
- Mematuhi semua dasar Syarikat yang berkaitan dengan perdagangan.
- Tidak sekali-kali menjalankan perniagaan dengan entiti yang tertakluk pada embargo atau sekatan A.S.

- Menjalankan semakan usaha wajar terhadap semua pihak ketiga yang ingin kami jalankan perniagaan bersama.
- Memaklumkan Jabatan Undang-undang & Pematuhan mengenai semua permintaan boikot dan kebimbangan perdagangan.

### Di Seluruh Dunia

Undang-undang perdagangan global meliputi daripada produk dan perkhidmatan hingga kepada data dan perisian. Maklumat pelanggan dan bahan mentah sama-sama termasuk dalam skop peraturan. Kita mesti memastikan bahawa apa-apa sahaja yang kita import atau eksport adalah:

- Layak untuk diimport atau dieksport (cth., bukan data pelanggan peribadi atau yang tertakluk pada sekatan eksport)
- Digunakan untuk tujuan yang dibenarkan
- Tiba di destinasi yang sah (cth., bukan destinasi yang tertakluk pada embargo)

Setiap negara tempat kita menjalankan perniagaan akan mempunyai undang-undang dan tarif yang sentiasa berubah. Untuk bertindak balas dengan berkesan dan kekal patuh, kita perlu terus menyesuaikan diri.

### Di Seluruh Dunia

Walaupun Barnes Aerospace ialah syarikat global, ibu pejabat kami terletak di Amerika Syarikat. Ini bermaksud kita mesti mematuhi undang-undang A.S. berkaitan boikot di luar Amerika Syarikat. Permintaan untuk menyertai boikot yang menyalahi undang-undang boleh dibuat secara bertulis atau lisan, dan ia mungkin sukar dikenal pasti. Kita mesti segera melaporkan semua permintaan sedemikian kepada Jabatan Undang-undang & Pematuhan.



# Komitmen Kami kepada Komuniti Kami

Caring for a *Needy World*  
with the things we *throw away*”  
- Rev. Wendell Mettey



Halaju (Velocity). Integriti (Integrity).  
Kerja berpasukan (Teamwork).

Barnes Aerospace komited kepada inisiatif kemampanan,  
serta menyumbang kembali kepada komuniti kami.

## Memelihara dan Melindungi Warga Kerja Kami serta Alam Sekitar Kami

### Pendirian Kami

Kami menghargai alam sekitar kami, termasuk tempat kami bekerja dan tinggal, dan kami berinovasi untuk menjadikan proses perniagaan kami mampan. Warga kerja kami dan Syarikat kami berkembang maju dalam persekitaran yang sihat, dan kami bertanggungjawab untuk secara proaktif mencegah risiko alam sekitar dan keselamatan, meminimumkan pencemaran, serta memastikan operasi kami melindungi kesejahteraan pekerja kami dan komuniti tempat kami beroperasi.

### Sebab Kami

Kami mereka bentuk proses yang memelihara sumber semula jadi dan komited terhadap tanggungjawab korporat dengan memajukan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta kemampanan. Komitmen ini mewujudkan nilai untuk pihak berkepentingan kami dan merupakan kunci kepada kejayaan kami sebagai organisasi yang bertanggungjawab dan mampan.

### Tindakan Kami

Kami melindungi warga kerja kami dan alam sekitar apabila kami:

- Mematuhi semua undang-undang alam sekitar dan dasar Syarikat.

- Mengurus bahan kimia kami mengikut amalan terbaik dan melaporkan sebarang kebocoran atau tumpahan bahan berbahaya.
- Mematuhi prosedur kerja di tapak untuk memenuhi matlamat kemampanan tahunan kami.
- Memastikan kemudahan kami cekap tenaga dengan:
  - Mematikan lampu apabila tidak digunakan
  - Mengawal termostat
  - Mematikan enjin dan peralatan apabila tidak digunakan
- Menjalankan perniagaan secara mampan yang mengurangkan semua jenis sisa dan ketidakcekapan serta memulihara sumber semula jadi untuk meminimumkan jejak alam sekitar kami.

### Di Seluruh Dunia

United Nations Global Compact (UNGC) menggariskan matlamat untuk perniagaan mencapai amalan yang mampan. Kami menyokong prinsip-prinsip ini dan sedang berusaha untuk menyelaraskan perniagaan kami dengannya. Kami mematuhi undang-undang alam sekitar di semua negara tempat kami menjalankan perniagaan, dan kami sedang menyelaraskan visi kami dengan mengambil kira inisiatif global.



## Menghormati Hak Asasi Manusia

### Pendirian Kami

Kami menghormati nilai dan maruah setiap kehidupan manusia. Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang pencabulan hak asasi manusia dalam mana-mana bahagian perniagaan kami, di mana-mana sahaja kami menjalankan perniagaan, dan kami mengharapkan perkara yang sama daripada rakan kongsi kami.

### Sebab Kami

Warga kerja kami ialah asas kejayaan kami. Melindungi hak asasi manusia adalah penting untuk mengekalkan kepercayaan, memastikan amalan beretika, dan menyokong kesihatan jangka panjang perniagaan kami serta komuniti yang kami layani.

### Tindakan Kami

Kami menghormati dan melindungi hak asasi manusia apabila kami:

- Menyediakan keadaan kerja yang selamat dan pampasan yang adil untuk semua pekerja.
- Menghendaki pembekal kami dan rakan perniagaan lain mematuhi amalan buruh yang adil dan perolehan sumber yang bertanggungjawab.
- Tidak sekali-kali menggunakan buruh kanak-kanak atau buruh paksa dalam apa jua bentuk, di mana-mana sahaja kami menjalankan perniagaan.
- Segera laporkan pelanggaran hak asasi manusia yang diketahui atau berpotensi berlaku.

## Mengambil Bahagian dalam Proses Politik

### Pendirian Kami

Kita semua boleh membawa perubahan sebagai warga dalam komuniti kita, dan kita semua mempunyai hak terhadap kepercayaan serta pendapat kita. Walau bagaimanapun, masa dan sumber kita sebagai sebuah syarikat tidak seharusnya digunakan untuk politik peribadi. Sebagai sebuah syarikat, kami memperoleh perniagaan apabila kami berurusan dengan kerajaan dengan integriti dan secara bersatu.

### Sebab Kami

Apabila kita mengambil bahagian dalam politik, kita menjadikan masyarakat lebih adil dan lebih produktif. Tindakan kita sebagai sebuah syarikat juga mesti mengutamakan keadilan dan produktiviti. Mencampuradukkan politik peribadi dengan kepentingan terbaik Syarikat kita boleh menjejaskan reputasi. Di samping itu, kita tidak sekali-kali boleh cuba mempengaruhi kerajaan secara tidak beretika.

### Tindakan Kami

Kita mesti sentiasa berhati-hati untuk memisahkan pandangan politik peribadi kita daripada pandangan Barnes Aerospace. Kita mengambil bahagian dalam politik peribadi pada masa sendiri dan dengan wang sendiri, di luar tempat kerja.

Sebagai sebuah syarikat, kami mengambil bahagian dalam politik secara adil apabila kami:

- Tidak sekali-kali membuat sumbangan politik bagi pihak Syarikat tanpa kelulusan terlebih dahulu.
- Tidak sekali-kali menggunakan kemudahan Syarikat untuk pengumpulan dana.
- Mematuhi semua peraturan berkaitan lobi, termasuk:
  - Melaporkan semua perbelanjaan lobi Syarikat
  - Hanya membenarkan kakitangan yang diberi kuasa berkomunikasi dengan pegawai kerajaan

### Nasihat Kami

- S.** Saya berkhidmat dalam sebuah jawatankuasa bagi organisasi politik yang bebas. Kami sedang cuba mengumpul dana, dan saya fikir beberapa pekerja Barnes Aerospace akan berminat untuk menyumbang. Bolehkah saya meminta sumbangan daripada rakan sekerja di tempat kerja?
- J.** Tidak. Aktiviti politik peribadi mesti diasingkan daripada tempat kerja. Kami menyokong hak dan semangat anda sebagai seorang warga, tetapi tempat kerja Barnes Aerospace tidak boleh dijadikan tempat untuk pengumpulan dana. Rakan sekerja tidak seharusnya berasa tertekan untuk menyokong sesuatu perjuangan politik, terutamanya jika mereka melapor kepada anda.

## Melabur dalam Komuniti Kami

### Pendirian Kami

Menjadi warga korporat yang baik bermula dengan menjadi pemimpin komuniti yang cemerlang. Kami komited untuk menyumbang kembali, dan kami berusaha untuk memperbaiki komuniti kami melalui kesukarelawan dan sumbangan amal.

### Sebab Kami

Sebagai sebuah syarikat yang mempunyai sejarah yang panjang dan jangkauan global, kami tahu kami boleh membawa perubahan ke arah yang lebih baik. Mengekalkan komuniti kami agar sihat dan kukuh menjadikan kami terus berdaya dan berdaya saing. Warga kerja kami dan komuniti kami ialah sumber kekuatan kami sebagai sebuah syarikat.

### Tindakan Kami

Kami membuat pelaburan terbaik dalam komuniti kami apabila kami:

- Mengambil bahagian dalam kegiatan sukarela dan amal yang bersesuaian.
- Sentiasa mendapatkan kelulusan sebelum menderma dana Syarikat atas nama Barnes Aerospace.
- Memastikan bahawa aktiviti sukarela tidak mengganggu kerja atau mewujudkan konflik kepentingan.
- Tidak sekali-kali menekan orang lain untuk terlibat dalam organisasi komuniti, sama ada melalui sumbangan atau sebagai sukarelawan.



# Pindaan dan Pengecualian terhadap Kod Kami

Kod ini terpakai kepada semua pengarah, pegawai dan pekerja Barnes Aerospace.

Dalam keadaan tertentu, Barnes Aerospace boleh memberikan pengecualian terhadap sesuatu peruntukan Kod ini. Untuk memohon pengecualian, berbincanglah dengan Jabatan Undang-undang & Pematuhan. Permohonan pengecualian daripada pekerja akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pematuhan. Permohonan pengecualian daripada pegawai eksekutif atau pengarah akan dirujuk kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa tunggal untuk memberikan pengecualian terhadap peruntukan Kod yang melibatkan pengarah atau pegawai eksekutif.